


Pembelajaran yang lebih selamat dengan Google for Education



Menyediakan persekitaran pembelajaran digital yang lebih selamat merupakan objektif Google for Education yang penting agar semua pengguna dapat mengajar dan belajar sambil mengetahui bahawa maklumat peribadi mereka disulitkan dan alatan pendidikan mereka adalah selamat.



Selamat secara lalai

Melindungi institusi anda dengan keupayaan keselamatan gred perusahaan yang terbina dalam Google for Education.



Direka bentuk untuk privasi

Mengutamakan privasi dengan alatan yang mengekalkan standard tanggungjawab digital yang tertinggi.



Kawalan di tangan anda

Anda mengawal data sekolah anda dengan tetapan privasi dan keselamatan yang mudah digunakan.



Kandungan dan maklumat yang boleh dipercayai

Akses sumber pendidikan yang bermutu tinggi dan boleh dipercayai.

Keselamatan siber kini amat penting untuk komuniti sekolah

- Institusi pendidikan dan data mereka tetap merupakan [sasaran utama serangan siber](#) di seluruh dunia
- [96% institusi pendidikan](#) kehilangan keupayaan untuk beroperasi selepas serangan siber – kadangkala selama berbulan-bulan pada satu-satu masa

Google memastikan lebih ramai pengguna selamat dalam talian berbanding dengan pihak lain di dunia

- Tiada serangan perisian tebusan yang berjaya atau virus pernah dilaporkan pada Chromebook*
- Google Workspace ialah salah satu set komunikasi dan kerjasama berasaskan awan [yang paling selamat](#) dan popular di dunia

Menyokong pematuan terhadap standard privasi dan keselamatan yang ketat


Google for Education menyokong [pematuan](#) terhadap standard pendidikan global yang paling ketat bagi keselamatan dan privasi. Kami diaudit oleh organisasi pihak ketiga yang bebas.

* Menurut pemantauan kami terhadap [crbug.com](#), [chromium.org](#), Pangkalan Data Kerentanan Kebangsaan dan maklum balas pelanggan dalam program ganjaran kerentanan Chrome.

Google for Education




Setiap hari adalah lebih selamat dengan Google



Ketahui lebih lanjut tentang privasi dan keselamatan pada edu.google.com/privacy

PRIVASI DAN KESELAMATAN

Dapatkan teknologi pendidikan terunggul dalam industri yang menyediakan persekitaran pembelajaran digital yang lebih selamat untuk setiap sekolah, bilik darjah dan pelajar.



Selamat secara lalai

- **Perlindungan automatik** memastikan peranti adalah yang terkini sebagai perlindungan terhadap ancaman terbaharu
- **Sekatan proaktif** dengan pengawasan pada setiap masa dan pengesanan dikuasakan AI membantu mengelakkan masalah keselamatan
- **Kebolehskalaan gred perusahaan** dan keandalan yang direka bentuk untuk mengendalikan perubahan aktiviti yang melampau untuk memastikan masa hidup 99.9%
- **Petua dan syor yang disesuaikan** membantu anda mengatasi ancaman digital terkini
- **Perlindungan keselamatan dikuasakan AI** secara automatik menyekat ancaman sebelum anda menjadi sasaran



Direka bentuk untuk privasi

- **Menyokong pematuhan** terhadap keperluan privasi dan keselamatan setempat serta antarabangsa yang ketat
- **Tiada pengiklanan** dalam Perkhidmatan Teras Google Workspace for Education dan maklumat peribadi tidak akan sekali-kali digunakan atau dijual kepada pihak ketiga untuk penyasaran iklan
- **Ketelusan yang boleh anda percayai**, dengan protokol keselamatan yang ketat untuk melindungi maklumat peribadi sekolah anda dan ketelusan penuh terhadap dasar privasi kami



Kawalan di tangan anda

- **Kekalkan kawalan penuh** terhadap data institusi anda sambil mengurus cara, waktu dan lokasi data perkhidmatan boleh diakses – dan menukar tetapan lalai dengan mudah mengikut kesesuaian, untuk menetapkan kandungan yang bersesuaian dengan umur
- **Papan pemuka keselamatan** yang menyediakan semuanya pada satu platform menawarkan maklumat masa nyata dan platform yang membolehkan pentadbir mengubah tetapan tahap domain atau individu merentas peranti, aplikasi, penyemak imbas dan pelbagai lagi
- **Analitis dan cerapan** yang disesuaikan mengikut keperluan anda dengan laporan penggunaan dalam papan pemuka keselamatan
- **Pilihan keselamatan lanjutan** yang sesuai dengan keperluan institusi anda



Kandungan dan maklumat yang boleh dipercayai

- **Penyemakan imbas dan kandungan berdasarkan umur yang lebih selamat** pada Google Search dan YouTube menghadkan kandungan yang mungkin tidak sesuai untuk pelajar yang berumur bawah 18 tahun
- **Standard kandungan yang ketat** bermakna bahawa produk dan perkhidmatan pihak ketiga, serta rakan kongsi yang membangunkan penyelesaian, mestilah memenuhi dan mengekalkan standard keselamatan serta kualiti kami.
- Sumber dan latihan **tanggungjawab digital** diberikan tanpa caj untuk menyokong keselamatan Internet
- **Dapatkan akses kepada alatan AI generatif**, untuk mereka yang memenuhi syarat umur minimum Google, dikawal oleh pentadbir sekolah – dan data anda tidak dikongsi atau digunakan untuk meningkatkan atau melatih model AI

Tambahkan keupayaan premium supaya sesuai dengan keperluan khusus institusi anda

Dapatkan ciri keselamatan tambahan dalam pusat keselamatan anda untuk melindungi data dan peranti sekolah anda secara proaktif. Peningkatan termasuk:

- Google Workspace for Education Plus
- Google Workspace for Education Standard

Wujudkan asas yang selamat untuk pengajaran dan pembelajaran dengan Google for Education

Bergantung pada ciri terbina dalam automatik yang menyediakan pengawasan dan pengurangan yang menyeluruh serta berterusan, sambil turut meminimumkan gangguan merentas alatan produktiviti, perkakasan, pengurusan peranti dan pelbagai lagi dengan:

- Google Workspace for Education Fundamentals*
- Chromebook
- Peningkatan Pendidikan Chrome
- Hab Apl Google for Education

* Tersedia tanpa caj untuk [institusi yang layak](#).

